

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0

OBJEKTIF PROGRAM

- * MEMBERI PELUANG KEPADA PEMBAYAR CUKAI TAMPIL SECARA SUKARELA
- * MENGGALAKKAN PELAPORAN PENDAPATAN YANG SEPATUTNYA DALAM TEMPOH PROGRAM
- * MENINGKATKAN TAHAP PEMATUHAN CUKAI BERTERASKAN KONSEP AES (AWARENESS, EDUCATION, SERVICES)

KATEGORI PERCUKAIAN TERLIBAT

- * CUKAI PENDAPATAN (KECUALI KATEGORI MAJIKAN)
- * CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)
- * DUTI SETEM

TEMPOH PELAKSANAAN

- * BERMULA 6 JUN 2023 HINGGA 31 MEI 2024

Maklumat lanjut boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > PKPS 2.0

1. PENDAPATAN PERNIAGAAN

Individu yang mempunyai pendapatan perniagaan dikenakan cukai di bawah Seksyen 4(a), Akta Cukai Pendapatan 1967. Perniagaan terdiri daripada pemilikan tunggal, bekerja sendiri dan perkongsian.

Sebagai peniaga, individu tersebut bertanggungjawab untuk :

- a) **HANTAR** Borang B pada tarikh yang ditetapkan :
 - i) 30 Jun jika menggunakan borang cukai manual, atau
 - ii) 15 Julai bagi pengguna e-Filing;
- b) **JELASKAN** baki cukai jika ada;
- c) **SEDIAKAN** akaun dan penyata pendapatan;
- d) **SIMPAN** dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama tujuh (7) tahun;
- e) **PATUHI** notis bayaran/jadual ansuran CP500; dan
- f) **MAKLUMKAN** secara bertulis jika perniagaan ditamatkan atau terdapat pertukaran ahli kongsi.

Perbelanjaan yang dibenarkan dalam perniagaan adalah perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan. Elaun modal atas aset perniagaan juga boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan.

2. EKONOMI GIG

Secara amnya, ekonomi gig dikenali sebagai karyawan bebas atau pekerjaan tanpa majikan. Ia merupakan salah satu daripada model perniagaan dalam e-Dagang atau Ekonomi Digital dan tertakluk kepada cukai di bawah Seksyen 4(a), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Terdapat tiga (3) komponen utama dalam ekonomi gig iaitu :

- a) Pekerja bebas dibayar berasaskan tugas tertentu;
- b) Pelanggan mahu perkhidmatan spesifik, dan
- c) Wujud syarikat atau perusahaan sebagai perantara pekerja bebas dengan pelanggannya dengan menggunakan aplikasi/ platform teknologi seperti GrabFood/ GrabCar, Foodpanda, BungkusIt, Lalamove dan MyCar.

Maklumat lanjut berhubung ekonomi gig boleh diperoleh dalam Sepintas e-Buku HASiL melalui pautan MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>.

3. BAYARAN ANSURAN CUKAI INDIVIDU

Terdapat beberapa jenis bayaran ansuran cukai yang perlu diketahui oleh pembayar cukai individu iaitu :

- a) **Potongan Cukai Bulanan (PCB)**
Sinonim dengan individu berpendapatan penggajian yang dibuat oleh majikan,
- b) **Ansuran CP38**
Jadual potongan tambahan kepada pekerja bagi menyelesaikan tunggakan cukai pendapatan mereka,
- c) **Ansuran CP500**
Jadual bayaran yang dikeluarkan oleh HASiL kepada individu berpendapatan perniagaan, dan
- d) **Ansuran Sendiri**
Jadual ansuran bayaran yang dikemukakan oleh pembayar cukai atas tunggakan cukai pendapatan dan dipersetujui oleh pegawai HASiL

Pembayar cukai digalakkan untuk berhubung dengan HASiL sekiranya ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung jenis ansuran yang berkaitan bagi memudahkan urusan percukaian mereka.

4. PERMOHONAN TAKLIMAT PKPS 2.0

Selaras dengan pelaksanaan PKPS 2.0 bermula 6 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024, sebarang permohonan taklimat dan undangan penceramah atau ahli panel boleh dibuat melalui e-mel taxeducation@hasil.gov.my.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

APA PERLU DIBUAT JIKA TERIMA PANGGILAN SCAMMER ?

- JANGAN PANIK. SEGERA LETAK TELEFON.
- JANGAN DEDAHKAN SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI.
- HUBUNGI HASIL UNTUK PENGESAHAN MAKLUMAT PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.